

08 MAY 2002

Mahathir-PAS

KETEPI PERBEZAAN POLITIK UNTUK TANGANI ISU PALESTIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam di negara ini harus bersedia mengeneipkan perbezaan fahaman politik dalam mencari kekuatan bagi membantu usaha menyelesaikan isu dan konflik di Palestin.

"Dalam soal ini kita bersatu-padu dan anggap ini (majlis syarahan) sebagai satu langkah pertama," katanya ketika menyampaikan ucapan pada syarahan perdana "Palestin dan Kemanusiaan" di sini malam ini.

Menurutnya dalam soal itu, beliau dan Presiden PAS (Datuk Fadzil Noor) serta Umno dan PAS, turut mempunyai kemarahan yang sama.

Katanya, umat Islam berdepan dengan musuh yang sama iaitu Israel dan adalah perlu bagi Umno dan PAS bersatu-padu sekurang-kurangnya dalam menangani isu tersebut.

"Saya rela (bersatu) kerana saya tidak nampak perbezaan. (mengenai perkara) yang lain kita bermusuh tak apa, tetapi ini adalah mengenai musuh kita bersama," katanya.

Menurutnya, biarpun Umno dan PAS mungkin mempunyai pendekatan dan strategi yang berbeza, namun yang amat penting ialah mencapai matlamat utama iaitu untuk membela nasib rakyat Palestin.

Dr Mahathir berkata umat Islam di negara ini perlu membuktikan bahawa mereka mampu mengeneipkan soal perbezaan fahaman dan mencapai kata sepakat dalam menghadapi musuh Islam.

"Dalam soal ini, tidak ada masalah antara Umno dan PAS untuk berkerjasama walaupun mempunyai strategi yang berbeza. Waktu ini musuh kita adalah Israel dan Ariel Sharon (Perdana Menteri Israel)," katanya.

Walaupun dirasakan agak ganjil, namun Dr Mahathir berkata beliau tetap menerima undangan untuk menyampaikan syarahan bersama-sama pemimpin pembangkang, demi rasa prihatin terhadap rakyat Palestin.

Pada majlis tersebut Dr Mahathir dan Fadzil, yang turut menyampaikan syarahan, masing-masing menandatangani kenyataan bersama bagi mewakili pendirian rakyat Malaysia dalam isu keganasan Israel di Palestin.

Antara lain kenyataan bersama itu menyebut bahawa rakyat Malaysia yang berbilang kaum serta berbeza fahaman politik, berkongsi rasa, cita dan perjuangan dengan seluruh rakyat Palestin yang mempertahankan hak di bumi kelahiran mereka.

Kenyataan tersebut turut menyebut mengenai gesaan rakyat Malaysia kepada seluruh dunia agar menyuarakan dan memberi sumbangan dalam apa saja bentuk sehingga rakyat Palestin dapat hidup dengan aman dan damai di negara yang berdaulat.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang serta beberapa orang menteri kabinet adalah antara kira-kira 3,000 orang yang menghadiri majlis itu.

Syarahan perdana yang dianjurkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka itu turut disiarkan secara langsung oleh RTM.

-- BERNAMA

WNZ WNZ MOZ